

**WARKAH**

**PERSATUAN VETERAN RTM (PVRTM)**

**UNTUK**

**YB DATO' SERI UTAMA DR RAIS YATIM**

**MENTERI  
PENERANGAN, KOMUNIKASI,  
DAN KEBUDAYAAN**

## TAHNIAH

Adalah menjadi hasrat PVRTM untuk membuat kunjung hormat sebaik sahaja perlantikan YB Dato' Seri sebagai menteri yang bertanggung jawab dalam bidang penyiaran, khususnya RTM melalui kementerian baru yang berskop luas iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Justeru, perutusan tahniah dan ucapan selamat bertugas telah kami dahului pada 23 hb April 2009 sambil menyatakan hasrat kami bagi menyampaikan sendiri UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA YANG BERHORMAT DATO' SERI DI ATAS PERLANTIKAN TERSEBUT. Kami berpendapat adalah lebih manis, mesra dan *personalised* menyampaikan ucapan tahniah tersebut dalam pertemuan seperti ini.

Amalan tradisi sedemikian telah kami lakukan kepada setiap Menteri baru yang menerajui Kementerian ini semenjak tertubuhnya persatuan 14 tahun yang lalu.

Kembalinya YB Dato Seri adalah ibarat sirih pulang ke gagang atau pinang pulang ke tampuk. Di atas kesudian YB Dato' Seri melapangkan masa untuk bertemu kami, PVRTM mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih. Pada kesempatan di bulan syawal ini, kami mengucapkan Selamat Hari Raya maaf zahir dan batin.

### 1. LATAR BELAKANG

Persatuan Veteran RTM (PVRTM) telah ditubuhkan pada 10hb Oktober 1995, antara lain objektifnya ialah untuk menjalin hubungan silaturahmi dan kesetiakawan di kalangan bekas pegawai-pegawai dan kakitangan RTM di semua peringkat dan bahagian iaitu rancangan, kejuruteraan dan pentadbiran, menerusi kerja kebajikan dan sosial, keagamaan, ekonomi serta berusaha saling bantu membantu meningkatkan taraf kehidupan dan kebajikan dalam masa persaraan.

Kewujudannya juga dimetrai ikrar ahli-ahli yang ingin memberi sumbangan nasihat, pandangan, curahan pangalaman dan tenaga yang termampu kepada dunia penyiaran, walaupun sudah bersara, demi membantu, megembang dan memartabatkan serta mengangkat tahap pencapaian prestasi kerjaya penyiaran di tanah air (jika diperlukan).

Dalam usaha merealisasikan tujuan tersebut, Jawatankuasa yang dilantik berkhidmat, sepenggal dua tahun, mengadakan penerbitan berkala Suara Veteran, Laman Web (<http://veteranrtm.org>), majlis-majlis kebajikan dan sosial, mencetuskan idea serta menziarahi ahli-ahli dan anggota yang uzur. Persatuan juga merancang untuk menubuhkan Tabung

Kebajikan atau suatu yayasan yang boleh dimanfaatkan kepada ahli-ahli serta keluarga mereka. Hingga hari ini rancangan itu nampaknya belum terlaksana.

## 2. KEANGGOTAAN

Keanggotaan PVRTM sekarang ialah 230 orang. Menerusi mekanisme laman web dan penerbitan berkala, pengedaran pekeliling, sms dan sesi pejumpaan, persatuan memantau keadaan kesihatan dan kehidupan ahli-ahli, serta mengambil tahu tentang anak-anak dan keluarga mereka. Di mana yang terdapat, Persatuan menghulurkan apa jua bantuan-bantuan yang termampu. Terbaru, semasa bulan Ramadan lalu, Persatuan telah menziarahi Sdr Arif Shah yang kini ditempatkan di rumah kebajikan Taiping. Dan pada minggu-minggu yang akan datang ini, akan menziarahi rakan-rakan yang sedang sakit, antaranya Hj Azhar Hj Ahmad, Sdr Jamal Mohamad (Jamal Pendek), Jamaludin Alias, Tan Sri Dato' SM Salim, Us Abd Ghani Lutfi, dan Tan Sri Dato' Dol Ramli.

## 3. AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli J/Kuasa bagi penggal 2009-2011 adalah seperti berikut:

Presiden : Hj Mohd Helan Bin Hj Abu

Tim. Preside : Hj Latifah Sidek

Naib Presiden : Dato' Hj Aziz Singah

Naib Presiden II : Hj Abd Aziz Abas

Setiausaha Agung :YM Tengku Ali Bustamam Alhaj

Bendahari : Hjh Hasiah Ariffin

Ahli-Ahli : En Chin Then Shoong  
: Hj Mustaza Maah  
: En Razali Hussin  
: Hj Hamzah Abd Rahman  
: Hjh Norela Samad  
: Sdr V.Arumugam

Pemeriksa Kira-Kira : Hj Baharin Tahir  
; Ir Sundram Pillai

Susunan pentadbiran melibatkan penubuhan beberapa biro iaitu: Kebajikan dan Sosial, Ekonomi, Penerangan, dan Penerbitan serta Sekretariat. Beberapa cawangan baru akan dibuka tidak lama lagi seperti di Ipoh, Alor Setar dan Kota Bahru. Perbincangan awal dengan stesen-stesen berkenaan telah diaturkan. Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Kerjasama RTM adalah diharapkan untuk menyelaraskan kerja-kerja persatuan di peringkat cawangan seperti penyediaan dan kemudahan tempat mesyuarat.

#### 4. KEDUDUKAN SEMASA

- 4.1. PVRTM berterima kasih kepada Jabatan Penyiaran yang telah memperuntukkan ruang pejabat di Unit Drama TV, Petaling Jaya bagi persatuan menjalankan operasinya. Sebelum ini persatuan menggunakan ruang di kompleks Rentak 50, sehinggalah diminta mengosongkannya kerana diperlukan oleh Orkestara RTM. Sehingga sebelum kami memperolehi pejabat baru itu kira-kira dua tahun lalu, atas ihsan bekas Ketua Pengarah Dato' Hj Abdul Rahman Hamid, kami menjalankan aktiviti melalui rumah/pejabat sesetengah ahli ataupun tempat-tempat pilihan atas biaya ahli jawatankuasa sendiri.
- 4.2. Beberapa usaha untuk mengisi dana tidak kesampaian matlamatnya kerana hambatan modal. Kami telah mengemukakan rayuan untuk mendapatkan dana kepada YB Menteri Penerangan pada tahun 2004, tetapi sehingga kini tiada menjadi realiti. Kami telah menubuhkan Perpetual Venture sebagai syarikat penerbitan/pengeluaran

dan pembekalan produk video dan filem untuk Jabatan Penyiaran, tetapi tidak berupaya merebut peluang yang terbuka di Jabatan, walaupun ahli-ahlinya pernah mencurahkan khidmat bakti. Beberapa siri perbincangan telah dibuat tetapi tiada satupun yang mendapat pertimbangan. Harapan untuk membantu para ahli menyalurkan produk kepada RTM telah gagal dan akhirnya syarikat terpaksa dibubarkan. Buat masa ini Persatuan hanya bergantung pendapatan daripada yuran ahli sebanyak RM 50.00 untuk seumur hidup disamping sumbangan tahunan daripada mantan Ketua Pengarah Penyiaran Tan Sri Dato' Dol Ramli melalui dividen Amanah Saham Malaysia kira-kira RM1,000 setahun.

- 4.3. Penerbitan Suara Veteran yang dirancang dua bulan sekali tidak mampu dilaksanakan kerana ketiadaan kos untuk menampung percetakan dan pengedaran. Kami berterima kasih kepada pihak-pihak tertentu yang sanggup membiayai kos penerbitan yang kini dibuat setahun sekali.

## 5. BEBERAPA CADANGAN

PVRTM ingin mengemukakan beberapa cadangan hasil daripada sesi perbincangan dan resolusi Mesyuarat Agung yang lalu untuk dilaksanakan samada di peringkat Jabatan ataupun mendapatkan sokongan untuk diangkat ke pihak pembuat dasar iaitu Kementerian.

Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- 5.1. Penaung Persatuan- Memerlukan tokoh tersohor, berwibawa dan relevan dengan bidang aktiviti. Persatuan mencadangkan Y.B. Menteri Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan dilantik sebagai Penaung Pertama Persatuan Veteran RTM.
- 5.2. Hari Penyiaran- Mencadangkan Kementerian/Jabatan Penyiaran mengambil inisiatif untuk mengadakan Hari Penyiaran selaras dengan institusi lain yang telah mengistiharkan hari masing-masing seperti Hari Polis, Hari Tentera, Hari Telekom, Hari Kraftangan dll.
- 5.3. Pengiktirafan PVRTM- Memohon nasihat Kementerian/Jabatan untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan kepada PVRTM yang telah ditubuhkan kira-kira 14 tahun. Dengan pengiktirafan tersebut PVRTM akan dapat status yang setaraf dengan persatuan lain seperti Seniman, Papita dan lain-lain serta layak untuk menerima apa juga bentuk bantuan yang diperuntukkan kepada NGO ini. Adakah perlu persatuan berdaftar dengan GAFIM? (Difahamkan Persatuan Karyawan pun khabarnya telah dinasihatkan oleh FINAS untuk menjadi ahli gabungan tersebut).

5.4. Dekati RTM- Adalah menjadi matlamat PVRTM untuk mendekali RTM sepanjang masa, berpegang kepada kata-kata : Tempat Jatuh Lagi Dikenang, Inikan Pula Tempat Cari Makan. Matlamat ini hanya boleh tercapai sekiranya bertepuk kedua belah tangan. Justeru kami berharap supaya PVRTM sentiasa berada dalam memori RTM supaya dapat melibatkan kami dalam apa jua aktiviti yang relevan seperti yang tersenarai dalam Kalendar RTM. Jikalau RTM boleh berbangga dengan koleksi lagu-lagu klasik diharap RTM juga terus menghargai jasa Penyiar Veteran yang pernah berbakti kepada Jabatan.

5.5. ANUGERAH SERI ANGKASA- Ini adalah antara flagship RTM, tetapi kegemilangannya telah diambil alih oleh stesen penyiaran lain melalui anugerah tahunan mereka yang berterusan. PVRTM mencadangkan supaya dikembalikan Anugerah Seri Angkasa sebagai kayu pengukur kepada quality produk RTM. PVRTM sedia membantu Jabatan bagi mengendalikan projek mega ini dengan NGO lain seperti Persatuan Penyiar Malaysia, Puspanita RTM dan lain-lain.

5.6. SOAL SEBUTAN- PVRTM berbangga dan mengucapkan tahniah kepada Jabatan Penyiaran yang berusaha untuk memartabatkan bahasa Melayu dengan menyekat penggunaan bahasa rojak melalui rancangan-rancangan terutamanya drama, dibandingkan dengan stesen penyiaran yang lain. Pun begitu soal sebutan masih lagi mengelirukan apabila seorang penyampai menyebut 'teknologi' dan 'unit' (bunyi ikut ejaan) manakala seorang penyampai yang lain menyebutnya 'teknoloji' dan 'yunit' (bunyi asal dan yang digunakan oleh stesen lain). Mana satu yang betul?.

5.7. ANUGERAH BINTANG KEBESARAN

PVRTM mempunyai keinginan untuk mencalonkan beberapa tokoh penyiar menerima anugerah bintang-bintang kebesaran samada di peringkat negeri atau persekutuan.

Pencalonan ini berdasarkan kepada jasa-jasa yang pernah dicurahkan oleh penyiar berkenaan yang tidak begitu didedahkan kepada umum. PVRTM akan membuat penyelidikan yang komprehensif kepada calon-calon yang berpotensi ini. Soalnya, ke mana harus pencalonan ini disalurkan?

5.8. PENERBITAN BUKU SEJARAH RTM

Setelah lebih 60 tahun wujud perkhidmatan Penyiaran di tanah air, belum ada satu pun buku yang boleh dipertanggungjawabkan untuk dijadikan rujukan pusat-pusat pengajian tinggi, ataupun oleh Jabatan, maupun penyiar sendiri mengenai institusi

ini. Diperkhatikan setiap menyambut ulang tahun, RTM akan mencungkil bahan bahan sejarah, yang kadangkala tidak tepat, malah melupakan para penyiar yang mempelopori dunia penyiaran dan banyak aspek lain. Tidak seperti institusi kewartawanan misalnya, banyak buku diterbitkan oleh ataupun mengenai tokoh-tokoh wartawan. Alangkah baik sekiranya buku lengkap mengenai sejarah penyiaran dalam semua aspek diterbitkan, sementara tokoh-tokoh penyiaran/pelopor penyiaran itu masih hidup. PVRTM mencadangkan supaya sebuah sekretariat ditubuhkan bagi tujuan mengumpulkan bahan-bahan sejarah, dan PVRTM di “commission” mengusahakan buku tersebut dengan menggunakan satu peruntukan khas Kementerian. Pada anggaran kami peruntukan tidak melebihi RM200,000 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu Sahaja) dapat disediakan bagi tujuan menyusun manuskrip buku tersebut (termasuk kos penyelidikan dan memperolehi bahan-bahan visual bersejarah) untuk cetakan oleh Kementerian. PVRTM sedia membentuk editorial bertugas di bawah Sekretariat yang harus mentadbir peruntukan tersebut.

## PENUTUP

Segala apa yang dibentangkan di atas dan dihuraikan dalam pertemuan yang amat bererti di antara PVRTM dengan Yang Berhormat Dato' Seri hari ini, sengaja diabadikan dalam bentuk Nota. Ini kerana kami amat menyedari betapa sibuknya Dato' Seri dengan tugas yang ketat dan mencabar. Mudah-mudahan dengan Nota ringkas ini dapatlah Dato' Seri menatapnya di waktu-waktu lapang dan dengan itu dapat memahami secara lebih mendalam tentang cita-cita dan aspirasi kami.

Di atas kesediaan Dato' Seri untuk mendengar dan menimbang serta memberi sokongan dan perhatian kepada perkara-perkara yang ditimbulkan, saya bagi pihak semua ahli jawatankuasa dan ahli-ahli Persatuan Veteran RTM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih jua. Wassalam.

Yang Ikhlas,

PERSATUAN VETERAN RTM

.....  
(Hj Mohd Helan Bin Hj Abu)

Presiden

Isnin 12hb Oktober 2009